

# Kenyataan tidak tanding pilihan raya bukan sandiwara

BH 15 SEP 2002

KUALA LUMPUR: Kebanyakan pemimpin politik dan masyarakat menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bersandiwara apabila mengumumkan tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, kerana ia adalah selaras dengan hasratnya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri pada Oktober tahun depan.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, percaya Dr Mahathir bersungguh-sungguh terutama dalam keinginannya untuk bersara sebagai Perdana Menteri.

Musa yang berada di London ketika dihubungi semalam, berkata:

"Saya tidak terperanjat. Sejak Perhimpunan Agung Umno Jun lalu lagi saya hanya seorang yang berkata bahawa ini bukan satu sandiwara. Saya sudah mengikuti kenyataan beliau sejak lama dan dapat membaca keadaan.

"Dr Mahathir serius dan tidak bersandiwara, beliau betul-betul hendak bersara daripada politik. Jadi semua orang patut bersedia dalam minda kita untuk menyaksikan beliau memainkan peranan lebih besar merentasi garisan sosial dan politik," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hoek, juga tidak terperanjat dengan keputusan Perdana Menteri itu dan percaya ia adalah ikhlas.

"Saya percaya tidak ada *trick* dalam hal ini. Beliau ingin membuat *clean break*. Dr Mahathir dah banyak bercakap mengenai rancangannya untuk bersara, jadi apa yang dilakukan adalah neutral dan logik.

"Saya langsung tidak terkejut dan ini adalah jawapan yang ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh ahli Umno tapi rakyat jelata," katanya.

Bagaimanapun katanya, perkara yang perlu dileraikan Perdana Menteri sekarang ialah persoalan sama ada persaraannya itu akan dilakukan sama ada selepas atau sebelum pilihan raya akan datang.

"Perkara ini adalah penting untuk membolehkan pembangkang bersedia. Tapi seperti biasa dalam hal ini, Dr Mahathir sudah pasti akan membuat kejutan," katanya.

Bagaimanapun, Pas yang percaya kenyataan Perdana Menteri termasuk untuk tidak bertanding pada pilihan raya akan datang adalah 'kenyataan politik'.

Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa, berkata partinya tidak akan percaya dengan sebarang janji Dr Mahathir sehinggalah ia benar-benar berlaku.

"Kebanyakan kenyataannya terutama sejak kebelakangan ini boleh dipertikaikan. Kerana itu saya tidak pasti sama kenyataannya semalam (untuk tidak bertanding pada pilihan raya

umum akan datang) benar-benar ikhlas atau ia sekadar kenyataan politik.

"Kami tidak akan percaya sehinggalah beliau meninggalkan rumahnya di Seri Perdana dan pejabat Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi semalam.

Setiausaha Agung Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Sahri Bahri pula berkata, pengumuman Dr Mahathir bukan sesuatu mengejutkan, kerana ia telah dijangka terutama selepas Umno dan Barisan Nasional (BN) menerima hasrat beliau untuk meletak semua jawatan dalam kabinet dan parti pada Oktober tahun depan.

"Sebaliknya, ia akan menjadi luar biasa dan aneh sekiranya beliau mahu terus bertanding," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Sahri berkata, Keadilan berpendapat Dr Mahathir perlu meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan sebagai langkah awal peralihan kuasa.

"Di samping itu, beliau sepatutnya menghantar surat rasmi peletakan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri yang akan berkuat kuasa 25 Oktober, 2003, kepada Speaker Dewan Rakyat dan Yang di-Pertuan Agung untuk menunjukkan beliau komited dengan hasrat peletakan jawatan itu, justeru sekali gus melenyapkan segala keangkuatan dan keraguan rakyat

terhadap isu berkenaan," katanya.

Bekas pemimpin Keadilan, Dr Chandra Muzaffar, pula menganggap langkah Perdana Menteri tidak bertanding pada pilihan raya akan datang adalah logik berdasarkan pengumumannya untuk meletak semua jawatan dalam kabinet dan parti Jun lalu.

Beliau menganggap ini adalah sebahagian daripada proses peralihan kuasa yang dapat ditentukan Perdana Menteri sendiri.

"Saya berpendapat Perdana Menteri jujur dalam meluahkan hasratnya itu dan saya harap masyarakat akan menerimanya.

"Saya yakin (dengan cara ini) dengan kenyataan terbuka itu, peralihan kuasa akan berlaku dengan teratur dan sistematik," katanya.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, pula meminta seluruh rakyat menghormati pendirian Perdana Menteri itu kerana kenyataan berkenaan sekali gus menafikan tohmahan bahawa beliau ingin berkuasa lebih lama.

"Rasanya ini adalah satu keputusan amat berat untuk beliau tapi apa yang dilakukan adalah untuk kepentingan negara. Kita perlu menghormati keputusan Perdana Menteri ini kerana beliau sendiri yang tahu bila masanya beliau perlu berhenti," katanya.